

U684

R B266 AAB
MAHATHIR - AWSJ

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BERMACAM-MACAM KRITIKAN DILEMPARKAN KEPADA MALAYSIA BERIKUTAN PENGUSIRAN DUA ORANG WARTAWAN ASIAN WALL STREET JOURNAL (AWSJ) JOHN BERTHELSEN DAN RAPHAEL PURA.

ANTARA PIHAK YANG MEMBUAT KRITIKAN ITU IALAH NEW YORK TIMES DAN WALL STREET JOURNAL, YANG MENURUT PERDANA MENTERI TELAH MENGELUARKAN DUA ARTIKEL SERTA LIDAH PENGARANG DALAM SEHARI.

+SEPERTIMANA TUAN-TUAN MAKLUM, MEREKA BERKATA BAHAWA KITA SEKARANG INI MENGARAHKAN KE BURMA. SAYA KURANG FAHAM APA MAKSUD INI.

+TETAPI, NAMPAKNYA MEREKA BEGITU SEKALI MARAH SEHINGGA TIDAK ADA SOPAN LAGI DALAM CARA MEREKA MEMBUAT TEGURAN DALAM EDITORIAL MEREKA,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG SEKEMBALINYA DARI LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU JUGA BERJUMPA DENGAN ENCIK WARREN PHILLIPS, KETUA EKSEKUTIF WALL STREET JOURNAL YANG MENGUASAI AWSJ, ATAS PERMINTAANNYA. -- LAGI
0137MST 06 10 86

D686

R B268 AAB
MAHATHIR - AWSJ 2 KUALA LUMPUR

+SAYA TELAH MEMBERI PENDAPAT KITA BERKENAAN DENGAN PERKARA INI TETAPI NAMPAKNYA KITA MENGHABISKAN MASA SAHAJA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA ENCIK PHILLIPS MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG BERAT SEBELAH MENGENAI PERKARA ITU.

ENCIK PHILLIPS BERANGGAPAN BAHAWA KEDUA-DUA WARTAWAN AWSJ ITU SEBAGAI +MANUSIA YANG TIDAK PERNAH BOHONG DAN MEMBUAT SESUATU APAPUN YANG BOLEH MENYEBABKAN MEREKA DIUSIR DARIPADA MALAYSIA.

+SETELAH DIA MENYATAKAN PENDAPATNYA SEMACAM INI, SAYA BERPENDAPAT BAHAWA TIDAK ADA MAKNA SAYA BERCAKAP DENGAN ORANG YANG SEMACAM INI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI PENJELASAN MENGENAI KENYATAAN BELIAU DI NEW YORK YANG DILAPORKAN SECARA KURANG TEPAT OLEH PIHAK AKHBAR.

+SAYA TIDAK BERKATA BAHAWA KITA AKAN SANGGUP MENGUSIRKAN DIPLOMAT AMERIKA SYARIKAT. APA YANG SAYA KATAKAN, AMERIKA SYARIKAT JUGA MENGUSIR ORANG LUAR DARIPADA NEGARANYA.

KALAU MEREKA BOLEH MENGUSIR DIPLOMAT YANG MEMPUNYAI PERLINDUNGAN DIPLOMATIK (IMUNITY), SAYA TIDAK NAMPAK KENAPA KITA TIDAK BOLEH MENGUSIR PEMBERITA,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA
0151MST 06 10 86